



Good food, Good life

Siaran Berita

Petaling Jaya, 30 September, 2021

NESCAFÉ Lancar Bulan Kopi Antarabangsa

Menawarkan Hadiah Utama Proton X50 SUV kepada 10 Rakyat Bertuah Malaysia

Bulan paling mengujakan buat penggemar kopi sudah tiba! NESCAFÉ, jenama kopi kegemaran dunia meraikan Bulan Kopi Antarabangsa dengan mengetengahkan perjalanan kelestariannya yang menakjubkan di sebalik setiap cawan yang lazat.

Selama lebih daripada 80 tahun, NESCAFÉ terus memenuhi janji untuk menyediakan pengalaman kopi bermutu tinggi yang terbaik kepada pengguna. Mencerminkan komitmen jenama ini terhadap kelestarian, 100% daripada biji kopinya diperoleh secara bertanggungjawab. Sebagai pembeli terbesar kopi mesra alam di dunia, usaha ini memperlihatkan hasrat NESCAFÉ untuk membina masa depan kopi lestari yang mengiktiraf kepentingan amalan perladangan lestari sambil meningkatkan pendapatan peladang.

En. Othman Chraibi, Pegawai Eksekutif Perniagaan Unit Perniagaan Minuman, Nestlé (Malaysia) Berhad berkata, "Kami sukacita untuk sekali lagi meraikan Bulan Kopi Antarabangsa, yang memberi peluang untuk kami ketengahkan usaha kelestarian NESCAFÉ. Terdapat kisah di sebalik setiap cawan – kami menggunakan hanya biji kopi terbaik yang disemai dengan penuh kasih dan dipilih dengan teliti oleh peladang yang melaksanakan amalan pertanian yang baik, mencerminkan kesungguhan kami untuk membekalkan kopi dengan cita rasa terbaik sambil menjamin kelestarian di seluruh rantai nilai. Kami terus berpegang kepada tekad untuk mencipta detik-detik istimewa dengan menikmati secawan kopi, pada masa sama memastikan bumi dilindungi dan dihormati sambil kami berusaha membina ekosistem kopi yang mesra alam."

"Sempena dengan bulan istimewa ini, kami juga memberi ganjaran kepada sepuluh pemenang bertuah dalam Peraduan NESCAFÉ Jom Beli & Raikan Bersama-sama dengan hadiah utama Proton X50 SUV serba baharu bernilai lebih daripada RM84,000 setiap satu! Menyedari bahawa cabaran pandemik telah menggugat ramai rakyat Malaysia, peraduan ini bertujuan menyebarkan keceriaan dan kegembiraan pada masa-masa sukar ini. Sebab itulah kami mahu memberi ganjaran kepada pengguna dengan memberi mereka peluang memenangi hadiah menarik, hanya dengan menikmati secawan NESCAFÉ. Ini adalah sebahagian daripada komitmen NESCAFÉ untuk terus kekal dekat di hati rakyat Malaysia menerusi pengalaman yang tidak dapat dilupakan. Sekalung tahniah daripada kami kepada para pemenang hadiah utama dan juga kesemua 722 orang pemenang peraduan ini!"

Para pemenang hadiah utama Peraduan NESCAFÉ Jom Beli & Raikan Bersama-sama:

- | | |
|-----------------------------|-------------------------------|
| 1. Nur Nazirah Binti Hasim | 6. Madznah Binti Mohd Derahim |
| 2. Islahuddin Bin Misrol | 7. Chan Pik Wan |
| 3. Tan Jiunn Nieng | 8. Gan Tiang Hong |
| 4. Wong Kam Suoy | 9. Francis Lau |
| 5. Mazita Binti Abdul Rahim | 10. Suziana Binti Martin |

Petikan terpilih daripada para pemenang Hadiah Utama:

Gan Tiang Hong, 72, dari Kajang, Selangor berkata, "Saya amat terkejut apabila melihat nama saya disenaraikan sebagai pemenang di laman web NESCAFÉ. Akhirnya, saya berpeluang menggantikan kereta Kelisa saya yang berusia 10 tahun dengan sebuah Proton SUV X50 baharu yang luas dan selesa. Saya benar-benar berterima kasih kepada NESCAFÉ!"

Mazita Abdul Rahim, 53 tahun, dari Shah Alam, Selangor berkata, "Saya pernah memenangi peraduan sebelum ini tetapi tidak pernah menang kereta baharu! Saya telah membelanjakan RM500 untuk peraduan ini dan ganjarannya memang berbaloi. Keluarga saya merancang perjalanan ke utara sebaik pergerakan rentas negeri dibenarkan, dan kereta ini akan memastikan perjalanan yang lancar."

Chan Pik Wan, 42 tahun, dari Subang Jaya, Selangor berkata, "Saya amat bersyukur kerana memenangi sebuah kereta serba baharu, terutamanya semasa tempoh pandemik yang menyaksikan ramai orang menghadapi kesukaran. Kemenangan ini amat bermakna untuk saya sekeluarga, sekali gus memberi kami kekuatan untuk mengharungi masa-masa sukar ini. Terima kasih, NESCAFÉ, kerana menaikkan semangat kami!"

Pemenang Hadiah Utama dari Kuching, Sarawak, Francis Lau, 67 tahun, berkata, "Sebagai pesara, saya tidak sangka akan dapat memiliki sebuah kereta baharu, lebih-lebih lagi Proton SUV X50 yang memang dinanti-nantikan. Inilah kejutan terindah dan saya tidak sabar untuk berkongsi kereta baharu ini bersama keluarga!"

Selain daripada pemenang Hadiah Utama, 24 pemenang lain membawa pulang motosikal Honda Wave serba baharu dan 560 pemenang hadiah sagu hati memperolehi baucar tunai bernilai RM500 setiap seorang. Di samping itu, Hadiah Cabutan Istimewa setiap dua minggu sekali berupa peralatan rumah SAMSUNG bernilai RM2,000 setiap satu turut disampaikan kepada 128 pemenang sepanjang tempoh lapan minggu peraduan berlangsung.

Peraduan NESCAFÉ Jom Beli & Raikan Bersama-sama telah memberi peluang kepada rakyat Malaysia memenangi hadiah bernilai sehingga RM1.5 juta. Untuk menyertai peraduan ini, pengguna hanya perlu membeli mana-mana produk NESCAFÉ yang turut serta seperti NESCAFÉ Classic, NESCAFÉ Blend and Brew, NESCAFÉ Gold, NESCAFÉ Latte, NESCAFÉ White Coffee, NESCAFÉ Dolce Gusto dan Coffeemate, dan juga produk NESCAFÉ Sedia Diminum, bernilai RM15 dalam satu resit tanpa sebarang had bagi bilangan penyertaan yang dihantar. Peraduan ini terbuka kepada rakyat Malaysia di seluruh negara.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang produk NESCAFÉ dan juga promosi lain yang sedang berlangsung, layari <https://www.nescafe.com/my/>.

Tentang Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Dengan ibu pejabat yang terletak di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 buah negara di seluruh dunia dan kesemua pekerja kami seramai lebih 270,000 orang komited dalam membantu mencapai tujuan Nestlé untuk merungkai kuasa makanan demi meningkatkan kualiti kehidupan bagi semua, pada hari ini dan untuk generasi akan datang. Matlamat kami didorong oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Sejak tahun 1912, Nestlé dipercayai oleh para pengguna kami menerusi jenama-jenama dan produk kami yang berkualiti. Kami komited dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat di mana saja kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan integriti Halal. Ini selaras dengan janji kami dalam memberikan "GOOD FOOD, GOOD LIFE" kepada semua.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai bagaimana kami telah membantu rakyat Malaysia menjalani kehidupan sihat selama lebih satu abad, sila layari www.nestle.com.my atau laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/Nestle.Malaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: +603 7965 6456

Mobile: +6012 235 6865

E-mail: Shaheen.MohamedZaffar@my.nestle.com

Alya Nurina atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

+6010 -221 8216 (Alya) atau

+6017 237 9048 (Yasmin)

E-mail: acorncommunications@acornco.com.my